



WAN JAMAL ABDUL SALAM (tengah) menunjukkan sebahagian rokok seludup yang dirampas dalam serbuan di sebuah rumah di Kampung Babong, Kota Bharu pada bulan lalu. - IHSAN JKDM

Rokok RM1.48j dalam rumah dirampas

- Premis dijadikan tempat simpanan sebelum diedar
- Serbuan dibuat oleh Kastam Kota Bharu

Oleh MUHAMMAD AYMAN GHAFFA

KOTA BHARU - Kumpulan sindiket tidak sempat mengedar sebanyak 1.72 juta batang rokok seludup yang bernilai RM1.48 juta termasuk cukai selepas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)

Kelantan menyerbu sebuah rumah di Kampung Babong di sini, pada bulan lalu.

Serbuan dijalankan kira-kira pukul 10.30 pagi pada 7 Mei lalu oleh Pasukan Operasi Cawangan Penguatkuasaan Kota Bharu, JKDM Kelantan.

Pengarah JKDM Kelantan, Wan Jamal Abdul Salam Wan Long berkata, pemeriksaan di dalam rumah dan bahagian but sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) jenis Toyota Innova menjumpai sebanyak 1.72 juta batang rokok seludup.

Ujarnya, keseluruhan rokok

itu bernilai RM286,234 tidak termasuk cukai RM1.16 juta.

"Siasatan awal mendapati, MPV itu dipercayai digunakan untuk mengedar rokok-rokok tersebut ke pasaran tempatan.

"Sindiket itu disyaki menggunakan premis yang disewa untuk dijadikan tempat penyimpanan rokok seludup sebelum diedarkan kepada pelanggan," katanya ketika dihubungi pemberita semalam.

Wan Jamal Abdul Salam memberitahu, kes disiasat mengikut Seksyen 135(1)(e) dan Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967.